

HARI : SABTU
TARIKH : 19/10/2019
M/SURAT : 3

JAKIM tiada kuasa sekat produk

Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) tidak memiliki kuasa untuk menyekat kemasukan produk makanan import yang memaparkan logo halal tidak diiktiraf jabatan itu ke pasaran negara ini.

Ketika ini, aspek pemantauan, penguatkuasaan dan pendakwaan menerusi Akta Perihal Dagangan 2011 bagi kes sedemikian terletak di bawah tanggungjawab Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

JAKIM pula hanya mempunyai bidang kuasa ke atas proses pen-sijilan halal.

Pengarah Bahagian Pengurusan Halal JAKIM, Bukhari Md Akhir memberitahu *BH*, jabatan berkenaan hanya diperuntukkan kuasa mengambil tindakan jika ia

berkaitan penggunaan logo halal palsu.

Sambil mengakui ada produk makanan import yang dijual memaparkan logo halal tidak diiktiraf JAKIM di pasaran Malaysia, beliau berkata, jabatan itu hanya boleh meminta pengguna Islam lebih berwaspada terhadap lanbakan produk makanan sedemikian.

"JAKIM memang tiada kuasa untuk melakukan sekatan, melainkan ia berkait dengan penggunaan logo halal palsu yang jelas satu kesalahan di bawah undang-undang sedia ada," katanya.

Beliau berkata, pengguna Islam perlu lebih berwaspada dengan produk makanan import di pasaran yang tidak mempermukaan sebarang logo halal, sama ada dari JAKIM atau badan luar yang di-

iktiraf jabatan berkenaan.

"Kesedaran pengguna penting dalam memastikan semua pihak, terutama industri dan peniaga lebih peka serta sensitif terhadap barang atau produk yang dijual di gedung perniagaan, terutama yang membabitkan pengguna Islam," katanya.

Katanya, Akta Perihal Dagangan 2011 mempunyai seksyen khusus mengenai peraturan pen-sijilan halal, yang memperuntukkan denda tidak lebih RM5 juta bagi kesalahan pertama dilakukan pertubuhan perbadanan.

Seksyen sama juga memperuntukkan hukuman denda tidak melebihi RM1 juta atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali jika kesalahan dilakukan oleh bukan pertubuhan perbadanan.